



18 October 2019

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi FGV Plantation (Malaysia) Sdn Bhd - Embara Budi.

FGV Embara Budi telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil FGV Embara Budi. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 7 estet yang diuruskan oleh FGV Embara Budi.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi FGV Embara Budi pada **21 November 2019**. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.



Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Jumlah Peneroka	Rujukan GPS
FGV Plantation (Malaysia) Sdn Bhd Ladang Sahabat 11	Peti Surat 100, Pos Cenderawasih, 91150 Lahad Datu, Sabah.	2,504.45	n/a	5° 9' 56.09" N 119° 08' 38.40" E
FGV Plantation (Malaysia) Sdn Bhd Ladang Sahabat 12	Peti Surat No.12, Pos Cenderawasih, 91150 Lahad Datu, Sabah.	2,042.57	n/a	5° 9' 55.76" N 119° 08' 42.00" E
FGV Plantation (Malaysia) Sdn Bhd Ladang Sahabat 17	Peti Surat 72, Pos Cenderawasih, 91150 Lahad Datu, Sabah.	3,221.62	n/a	5° 9' 56.70" N 119° 08' 45.60" E
FGV Plantation (Malaysia) Sdn Bhd Ladang Sahabat 56	Peti Surat 56, Pos Cenderawasih, 91150 Lahad Datu, Sabah.	1,955.42	n/a	5° 4' 48.58" N 119° 04' 15.60" E
FGV Plantation (Malaysia) Sdn Bhd Ladang Sahabat 20	Peti Surat No. 58, Pos Cenderawasih, 91150 Lahad Datu, Sabah.	1,815.30	n/a	5° 09.913' N 119° 08.760' E
FGV Plantation (Malaysia) Sdn Bhd Ladang Sahabat 21	Peti Surat No. 61, Pos Cenderawasih, 91150 Lahad Datu, Sabah.	2,135.33	n/a	5° 11' 47"N 119° 11' 09" E
FGV Agri Services Sdn Bhd Stesen Penyelidikan Sahabat 17	Peti Surat No. 2, Pos Cenderawasih, 91150 Lahad Datu, Sabah.	1,870.60	n/a	5.09'53.3"N 119.08'39.52"E

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TCI telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di FGV Embara Budi terdiri daripada:



- i) **En. Mohd Rizal bin Md Kassim** sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) **En. Ermadasila bin Mohamad** sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) **En. Abdul Hakim bin Mohamad** sebagai Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh	: 18 November 2019
Masa	: 10.00 a.m. – 12.00 p.m.
Lokasi	: Bilik Mesyuarat Ladang Sahabat 48, Peti Surat No.48, 91550 Cenderawasih, Lahad Datu, Sabah.

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk bertemu bersama Juruaudit semasa Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan



Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Penyelaras Skim

Norsyahidah Manaf
Trans Certification International Sdn Bhd.
No. B52, Tingkat 1,
Jalan IM3/10, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,

Norsyahidah Manaf

Penyelaras Skim

Trans Certification International Sdn Bhd